



10 NOV, 2021

Rangka hala tuju industri hidrogen

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

Rangka hala tuju industri hidrogen

Kuala Lumpur: Pelan tindakan hala tuju teknologi dan ekonomi hidrogen sedang dirangka ke arah menjadikan Malaysia sebagai antara pemain utama industri hidrogen sama ada di rantau Asia Tenggara mahupun dunia.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, kementerian melalui Pusat Nanoteknologi Kebangsaan melantik syarikat NanoMalaysia Berhad sebagai rakan strategik bagi merangka pelan berkenaan.

“Penyediaan ini dijalankan secara kolaborasi de-

ngan Akademi Sains Malaysia, NanoVerify Sdn Bhd dan Malaysian Green Technology. Pelan ini akan jadi panduan bagi membangunkan teknologi dan ekonomi hidrogen hingga 2050,” katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan **Datuk Seri Hasan Arifin (Umno-Rompin)** mengenai jumlah eksport tenaga hidrogen ke luar negara bagi 2020 hingga Jun 2021 dan langkah diambil kerajaan bagi perkukuh dan komersialkan industri berkenaan di dalam negara. - Bernama



10 NOV, 2021

Rangka hala tuju industri hidrogen

Harian Metro, Malaysia



SUMMARIES

Kuala Lumpur: Pelan tindakan hala tuju teknologi dan ekonomi hidrogen sedang dirangka ke arah menjadikan Malaysia sebagai antara pemain utama industri hidrogen sama ada di rantau Asia Tenggara mahupun dunia. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba b e r k a t a , kementerian melalui Pusat Nanoteknologi Kebangsaan melantik syarikat NanoMalaysia Berhad sebagai rakan strategik bagi merangka pelan berkenaan.